

## Analisis Permintaan Pelancongan di Malaysia

AHMAD SHUIB dan NOOR AZIZ MOHD NOR

*Fakulti Ekonomi dan Pengurusan*

*Universiti Pertanian Malaysia,*

*43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.*

**Perkataan Penunjuk:** Pelancongan, permintaan, keanjalan harga, pendapatan, PATA.

### ABSTRAK

*Pembangunan industri pelancongan memerlukan perancangan yang komprehensif untuk terus maju. Unjuran permintaan pelancongan harus dijadikan asas di dalam proses perancangan dan penggubalan garis panduan pembangunan industri ini. Keputusan analisis permintaan menunjukkan yang pendapatan per kapita, kos pelancongan tempatan, kadar pertukaran wang dan peristiwa tertentu di negara destinasi pelancongan mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas permintaan pelancongan antarabangsa.*

### ABSTRACT

*For growth, the tourism industry requires comprehensive planning. Demand analysis could provide a useful tool in planning and in providing guidelines for the development of the industry. The result of the demand analysis shows that per capita income, the relative cost of touristic activities, exchange rate and special events in the tourist destination area are significant in influencing the arrival of international tourists.*

### PENGENALAN

Pembangunan industri pelancongan di Malaysia kini mencapai tahap yang dapat dibanggakan. Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh kerajaan untuk mempertingkatkan prestasi industri pelancongan. Terdapat lima faedah utama yang diperolehi daripada pembangunan industri pelancongan, iaitu, sumbangan kepada imbalan pembayaran negara, pembangunan kawasan bukan perindustrian, pengwujudan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan kepada keseluruhan ekonomi menerusi impak pengganda, dan pembangunan sosial.

Dalam jangka masa 1975 – 1985, pendapatan tukaran asing yang diperolehi menerusi sektor pelancongan di Malaysia telah meningkat tiga kali ganda, iaitu daripada \$389.5 juta pada tahun 1975 kepada \$1412.4 juta pada tahun 1985. Peningkatan ini secara langsung berkait dengan peningkatan jumlah ketibaan pelancongan dalam masa yang sama (Jadual 1). Sektor pelancongan kini merupakan sektor keenam terpenting sebagai sumber tukaran asing (Berita Harian, 24 Jun. 1986).

Sebagai sebuah industri perkhidmatan, pelancongan merupakan penyumbang peluang pekerjaan yang penting bagi sesebuah negara sedang membangun terutama di negara yang mempunyai lebihan tenaga kerja. Di kawasan-kawasan pembangunan pelancongan, peluang pekerjaan dapat diwujudkan untuk penduduk tempatan yang dapat membantu menambah pendapatan dan seterusnya mempertingkatkan taraf hidup mereka. Industri pelancongan mirip kepada intensif buruh dan oleh yang demikian banyak peluang pekerjaan mahir dan tidak mahir dapat diwujudkan.

Di Semenanjung Malaysia, gunatenaga disektor perhotelan telah meningkat daripada 5,200 orang dalam tahun 1970 kepada 30,300 orang dalam tahun 1985 (RML, muka surat 399, 1986). Peluang pekerjaan juga tidak terhad kepada sektor perhotelan; sektor perkhidmatan sokongan seperti restoran, pemandu pelancong, pengangkutan, agensi pelancongan, industri kraftangan, dan aktiviti-aktiviti sampingan lain telah menawarkan peluang pekerjaan kepada 31,800 orang daripada tahun 1970 sehingga tahun 1981

**JADUAL 1**  
Sumbangan Industri Pelancongan Kepada Pendapatan Negara 1974-1990

Tahun	Pelancong ke (SM)	Semenanjung Malaysia \$ Juta	Pelancong Sabah	Sabah \$ Juta	Pelancong Sarawak	Sarawak \$ Juta	Jumlah ke Malaysia	Jumlah Juta
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(2 + 4 + 6)	(3 + 5 + 7)
1974	1,165,270	353.9	47,891	n.a	63,115	n.a	1,276,276	353.9 (Semenanjung)
1975	1,461,603	389.5	37,373	n.a	64,536	n.a	1,563,512	389.5 "
1976	1,451,441	275.2	42,440	n.a	77,415	n.a	1,571,296	275.2 "
1977	1,546,866	414.3	40,704	n.a	86,491	n.a	1,674,061	414.3 "
1978	1,880,646	450.0	54,870	n.a	90,344	n.a	2,025,860	450.0 "
1979	2,039,154	495.0	70,814	n.a	108,128	n.a	2,218,096	495.0 "
1980	2,067,020	618.9	76,002	47.83	107,104	46.4	2,250,126	713.13 (Malaysia)
1981	2,344,933	867.3	79,467	67.78	109,069	65.8	2,533,469	1,000.88
1982	2,588,772	1,019.1	73,314	64.01	112,941	48.4	2,775,027	1,131.51
1983	2,750,397	1,214.9	68,329	60.53	107,824	53.89	2,926,550	1,329.32
1984	2,779,081	1,304.9	60,923	65.50	107,310	55.74	2,947,314	1,426.14
1985	2,933,271	1,412.4	63,067	70.92	112,768	59.80	3,109,106	1,543.12
•1986	3,027,781	1,529.3	59,133	68.47	130,548	71.4	3,217,462	1,669.17
•1987	3,146,226	1,647.4	41,855	55.36	170,902	92.3	3,358,983	1,795.06
•1988	3,374,443	1,833.6	46,041	60.89	196,537	112.8	3,617,021	2,007.29
•1989	3,673,024	2,068.3	51,566	68.20	226,018	129.7	3,950,608	2,266.20
•1990	4,026,938	2,349.6	57,754	76.38	259,921	149.1	4,344,613	2,575.08

• Jangkaan  
(Telah disemak dan digunakan dalam Rancangan Malaysia ke-5 Separuh Penggal)

Sumber : Perbadanan Pembangunan Pelancongan Malaysia, 1989.

(Danker 1981). Keperluan latihan dan kemahiran bagi menyokong industri ini telah dipertingkatkan melalui program yang dijalankan oleh beberapa agensi dan pusat latihan seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara, Institut Teknologi Mara, pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan, dan pihak swasta.

Kemajuan industri pelancongan bergantung ke atas banyak faktor seperti kemudahan masuk, kemudahan infrastruktur dan kemudahan rekreasi. Namun perkembangan sektor perhotelan harus selari untuk menampung ketibaan bilangan pelancongan yang kian meningkat. Kerajaan telah mengadakan pelbagai jenis insentif sejak tahun 1968 untuk membantu perkembangan sektor perhotelan ini, namun perkembangannya tidaklah begitu menggalakkan. Untuk memperkuuhkan lagi pembangunan sektor ini, beberapa jenis insentif pelaburan telah diperkemasukan melalui Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Insentif taraf perintis bagi hotel baru, kelonggaran cukai pelaburan, dan pengurangan cukai pendapatan sehingga 30 peratus (untuk tempoh 12 tahun) adalah sebahagian daripada ubahsuai yang dilakukan untuk menarik minat lebih ramai pelabur ke dalam sektor ini. Malah kerajaan telah menurunkan kadar bayaran letrik sebanyak 20 peratus sejak tahun 1985 untuk mengurangkan kos operasi hotel.

Persidangan bertaraf antarabangsa yang dianjurkan di sesebuah negara dapat menjadi peron penting sekurang-kurangnya untuk dua matlamat; pertama, mengiklankan negara itu kepada dunia sebagai pusat pelancongan dan pelaburan yang menarik. Kedua, meraih pulangan daripada peserta persidangan antarabangsa kerana pada amnya mereka ini tinggal lebih lama dan berbelanja lebih besar daripada pelancong biasa. Malaysia mempunyai keupayaan dari segi kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan untuk menganjur persidangan antarabangsa. Pusat Dagangan Dunia Putra dan hotel-hotel bertaraf antarabangsa di bandar besar dan pusat peranginan menyediakan kemudahan persidangan yang setanding dengan kemudahan di negara-negara lain di Asia.

Pertumbuhan industri perkhidmatan ini secara langsung juga membantu pertumbuhan

industri pengangkutan. Infrastruktur pengangkutan termasuk lapangan terbang, jalan raya, landasan keretapi dan pelabuhan yang bertujuan memberi keselesaan kepada pelancong, secara tidak langsung memberi manfaat kepada penduduk tempatan. Kecekapan yang meningkat dalam pengendalian dan perkhidmatan sistem pengangkutan di Malaysia untuk keselesaan para pelancong memberi kebaikan kepada penduduk tempatan.

Industri kraftangan dan seni pertukangan juga dapat diperkembangkan melalui perkembangan industri pelancongan. Padilah (1985) telah mendapat bahawa perkembangan industri kampung mempunyai pertalian rapat dengan peningkatan permintaan barang-barang kraftangan seperti batik, songket, keluaran tembaga dan ukiran kayu.

## OBJEKTIF

Seperti juga industri lain, pelancongan memerlukan perancangan dan pengurusan yang komprehensif untuk berjaya. Kemajuan industri pelancongan pada masa akan datang dapat ditentukan jika pengunjuran permintaan pelancongan dapat dibuat. Archer (1976) telah mengesyorkan supaya penekanan diberi ke atas proses unjuran permintaan pelancongan dalam perancangan pelancongan. Pihak Organisasi Pelancongan Dunia (World Tourism Organization) juga telah menyarankan supaya unjuran masa depan pelancongan dijadikan satu komponen asas pembangunan sektor tersebut. Kajian-kajian berkaitan dengan permintaan pelancongan menjadi bahan penting bagi perancang menggubal garis panduan, arah dan impak pembangunan industri pelancongan di Malaysia.

Objektif umum kajian ini ialah untuk menilai perkembangan industri pelancongan di Malaysia dengan

- (i) menentukan faktor-faktor utama yang mempengaruhi permintaan pelancongan Malaysia, dan
- (ii) mengesan pengaruh-pengaruh tertentu dalam industri pelancongan di Malaysia.

## METHODOLOGI

Beberapa teknik telah digunakan untuk mengkaji permintaan pelancongan. Archer

(1976) membahagikan teknik kajian permintaan pelancongan kepada (i) model regresi pembolehubah berbilang, (ii) model graviti dan penjanaan perjalanan, dan (iii) model Delphi.

Seldon dan Var (1982) menggelar ketiga-tiga model ini sebagai (i) model siri masa, (ii) model bersebab ekonometrik, (iii) model teknik subjektif. Walau bagaimanapun regresi pembolehubah berbilang (atau model siri masa) merupakan model yang popular.

Antara faktor-faktor yang menjadi penentu permintaan pelancongan termasuklah pendapatan per kapita, kos perjalanan, tingkat harga relatif dan kadar pertukaran am (Archer, 1980). Selain daripada itu pembolehubah populasi, keseragaman bahasa dan "daya tarikan" pelancong seperti iklim dan kebudayaan tempatan juga menentukan kedatangan pelancong ke sebuah negara (Gearing *et al.* 1976).

Dalam kajian yang dijalankan di Hong Kong, Lin dan Sung (1983) mendapati bahawa penentu permintaan pelancongan yang signifikan ialah pendapatan negara bagi negara asal pelancong, indeks harga relatif dan faktor peristiwa luar biasa iaitu Expo 1970 di Hong Kong. Mereka mendapati bahawa keanjalan permintaan mengikut pendapatan bagi ketibaan pelancong bernilai 3.9, manakala keanjalan permintaan mengikut harga bagi ketibaan pelancong ialah -0.8. Di samping itu kesan perubahan pendapatan ke atas perbelanjaan pelancong ialah 1.9 dan kesan perubahan harga ke atas perbelanjaan ialah -1.4. Acara Expo 1970 telah mendedahkan Hong Kong sebagai pusat pelancongan. Kesan peristiwa itu diramalkan telah menambah ketibaan pelancong sebanyak 13.7 peratus setahun.

Fuji dan Mak (1982) yang mengkaji permintaan pelancongan di Hawaii telah mendapati bahawa tambang udara, pendapatan per kapita dan bilangan pelawat per kapita di tahun sebelumnya mempengaruhi bilangan ketibaan pelawat Amerika Syarikat ke Hawaii. Mereka juga memperolehi nilai keanjalan permintaan pendapatan per kapita yang tinggi, iaitu 3.2.

Secara amnya, fungsi permintaan menunjukkan perkaitan hisab antara kuantiti sesuatu barang atau perkhidmatan yang diminta dalam

satu jangka masa dengan harga barang atau perkhidmatan berkenaan. Selain daripada harga barang itu sendiri, permintaan juga dipengaruhi oleh faktor pendapatan pengguna, harga barang pengganti atau penggenap, dan citarasa serta kehendak pengguna. Harga barang pengganti berkait secara songsang dengan kuantiti barang berkenaan yang diminta, harga barang penggenap berkait terus, manakala pendapatan juga berkaitan secara langsung. Penentu citarasa dan kehendak mempunyai kaitan positif dengan kuantiti sesuatu barang yang diminta itu.

Hubungan hisab fungsi permintaan dapat dinyatakan seperti berikut:

$$K_x = f(H_x, H_{y1}, \dots, H_{y2}, P, R) \quad (1)$$

di dalam persamaan (1) ini  $K_x$  menandakan kuantiti barang atau perkhidmatan yang diminta untuk sesuatu jangka masa tertentu.  $H_x$  ialah harga seunit barang atau perkhidmatan x.  $H_{y1}, \dots, H_{y2}$  ialah harga barang lain yang berkaitan seperti barang pengganti atau penggenap. P ialah pendapatan pengguna dan R ialah citarasa dan kehendak pengguna.

Fungsi permintaan pelancongan dalam kajian ini dihubungkan seperti persamaan (2) di bawah:

$$TA = f(YP, CRP, ER, POP, T, D) \quad (2)$$

Secara hisab hubungan permintaan (2) di atas dapat ditukarkan kepada persamaan (3) di bawah:

$$\ln TA = a_0 + a_1 \ln YP + a_2 \ln CRP + a_3 \ln ER + a_4 \ln POP + a_5 T + a_6 D + u \quad (3)$$

Di dalam persamaan ini

TA = ketibaan pelawat tahunan ke Malaysia

YP = indeks pendapatan per kapita benar negara-negara asal yang konstan pada tahun 1980 untuk tahun i, dan  $YP_i = \sum_j (W_{ij} Y_{ij} / P_{ij} N_{ij})$

CRP = PT/PC = indeks harga relatif mata wang tempatan yang konstan pada tahun 1980

PT = indeks harga pelancong di Malaysia yang konstan pada tahun 1980

PC = indeks harga pelancong tempatan di negara asal yang konstan pada tahun 1980

$$PC_i = \sum_j W_{ij} P_{ij}$$

$ER$  = indeks kadar pertukaran ringgit Malaysia dalam bentuk mata wang negara asal yang konstan pada tahun 1980, dan

$ER_i = \sum_j W_{ij} R_{ij}/P_{ij} R_{i(M/US)}$

$POP$  = indeks populasi negara asal yang konstan pada tahun 1980, dan  $POP_i = \sum_j W_{ij} N_{ij}$

$Y_{ij}$  = indeks pendapatan negara benar pada tahun  $i$  di negara asal  $j$  yang konstan pada tahun 1980

$P_{ij}$  = indeks harga pelancongan tempatan bagi negara asal  $j$  dalam tahun  $i$  yang konstan pada tahun 1980

$N_{ij}$  = indeks populasi negara asal  $j$  dalam tahun yang konstan pada tahun 1980

$R_{ij}$  = indeks harga mata wang  $j$  dalam US\$ untuk tahun  $i$  yang konstan pada tahun 1980

$R_{i(M/US)}$  = indeks harga ringgit Malaysia dalam US\$ untuk tahun  $i$  yang konstan pada tahun 1980

$W_{ij}$  = pemberat untuk negara  $j$  dalam tahun  $i$  berdasarkan kepada peratus ketibaan pelawat daripada jumlah ketibaan pelawat dari sepuluh negara terpilih

$D$  = pembolehubah dumi untuk persidangan PATA '72. 1 dalam tahun 1972 dan 0 untuk tahun-tahun lain

$T$  = trend masa

$u$  = ralat rawak

Kajian ini menggunakan data-data siri masa yang diperolehi daripada beberapa sumber. Data jumlah ketibaan pelawat (TA) dan wajaran ( $W_{ij}$ ) diperolehi daripada 'Perangkaan Pelawat-pelawat Semenanjung Malaysia' yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Data-data berkenaan dengan pendapatan ( $Y_{ij}$ ), kadar pertukaran ( $R_{ij}$ ), populasi ( $N_{ij}$ ) dan pertukaran ringgit Malaysia ( $R_{i(M/US)}$ ) diperolehi dari "International Financial Statistics". Indeks harga pengguna digunakan sebagai deflator untuk menukar pendapatan kepada pendapatan benar dan digunakan sebagai proksi untuk indeks harga pelancong (PT dan  $P_{ij}$ ).

Indeks-indeks di atas kemudiannya digunakan untuk mendapatkan pembolehubah-pembolehubah pendapatan per kapita benar

(YPC), indeks harga relatif mata wang tempatan (CRP), indeks kadar pertukaran ringgit Malaysia (ER) dan indeks populasi (POP) dengan menggunakan formula-formula yang dinyatakan.

Jumlah ketibaan pelawat tahunan (TA) dipilih sebagai pembolehubah sandar bagi mewakili ukuran permintaan pelancongan antarabangsa. Pertambahan pelawat-pelawat yang melawat ke negara tersebut melambangkan pertambahan permintaan pelancongan antarabangsa.

Pendapatan per kapita (YPC) memainkan peranan penting sebagai penentu permintaan pelancongan. Oleh sebab pelancongan dianggap sebagai perkhidmatan mewah (Lin dan Sung, 1983), maka ketibaan pelancong dijangka akan beranjak positif dengan pendapatan. Peningkatan dalam pendapatan juga akan mendorong lebih ramai pelancong termasuk dari golongan yang berpendapatan rendah untuk melancong.

Pembolehubah harga mata wang relatif antara Malaysia dengan negara-negara yang dipilih (CRP) dan pembolehubah kadar pertukaran ringgit Malaysia dalam mata wang asing (ER) dibuat secara berasingan. Tujuannya ialah untuk membezakan kesan setiap pembolehubah ke atas permintaan pelancongan. Kedua-dua kesan ini perlu dibezakan kerana para pelancong mungkin telah mengetahui tentang kadar pertukaran, tetapi maklumat dan pengetahuannya tentang harga asing mungkin tidak sempurna. Kenaikan dalam kedua-dua pembolehubah CRP dan ER akan mengurangkan kuantiti pelancongan yang diminta.

Saiz populasi negara-negara asing (POP) juga diambil kira sebagai pembolehubah bebas dalam persamaan tersebut. Peningkatan dalam saiz populasi di negara-negara yang dipilih mungkin meningkatkan jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia.

Selain daripada pembolehubah-pembolehubah pendapatan, harga relatif, kadar pertukaran dan populasi, pembolehubah trend masa (T) dan pembolehubah patung (D) dimasukkan dalam persamaan. Pembolehubah aliran masa (T) dapat menerangkan kesan untuk jangka panjang, umpamanya perubahan dalam kos pengangkutan dan perubahan cita-

rasa (Lin dan Sung 1983 dan Artus 1972). Pembolehubah patung (D) digunakan bagi mengesan pengaruh persidangan PATA '72 ke atas jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia.

Ralat mungkin terjadi kalau model yang digunakan tidak menggambarkan keadaan sebenar (tidak memasukkan pembolehubah yang perlu), di samping masalah pengumpulan data dan kesukaran untuk mengukur data dengan tepat (Pindyck dan Rubinfeld 1976). Umpamanya pembolehubah-pembolehubah seperti polisi kerajaan,kekayaan populasi, cuaca, pengetahuan tentang pelancongan, jarak serta usaha-usaha publisiti oleh TDC tidak dimasukkan ke dalam persamaan kerana ketiadaan data yang lengkap. Begitu juga, pembolehubah harga ataupun kos pengangkutan antarabangsa sepatutnya dimasukkan sebagai salah satu pembolehubah bebas ataupun sebagai sebahagian daripada harga pelancongan. Walau bagaimanapun, kerana kesukaran untuk menggabungkan kos pengangkutan kepada satu indeks tunggal (kerana terdapat perbezaan jenis pengangkutan dan juga perbezaan tambang untuk jenis pengangkutan yang sama) maka pembolehubah kos pengangkutan tidak dimasukkan ke dalam persamaan. Kesemua pembolehubah yang tidak dimasukkan ke dalam model dinyatakan sebagai ralat rawak (u) yang nilainya berdasarkan kepada taburan kebarangkalian.

Fungsi permintaan pelancongan antarabangsa yang dibentuk itu dianalisis dengan menggunakan kaedah "Ordinary Least Squares (OLS)". Data-data dari sepuluh buah negara yang menyumbangkan 90 peratus daripada jumlah ketibaan pelancong asing ke Malaysia digunakan dalam kajian ini.

### KEPUTUSAN

Keputusan awal yang diperolehi menunjukkan pembolehubah aliran masa (T) berkorelasi tinggi dengan pembolehubah pendapatan dan terpaksa digugurkan dari persamaan. Pembolehubah populasi (POP) juga digugurkan dari persamaan kerana didapati tidak signifikan ke atas jumlah ketibaan pelawat. Pembolehubah-pembolehubah lain dikekalkan di dalam persamaan. Keputusan akhir bagi anggaran persamaan ketibaan pelawat adalah di bawah:

$$\begin{aligned} \ln TA &= 0.0854 + 2.5948 \ln YPC + 1.5898 \ln CRP \\ &\quad (0.026) \quad (5.600) \quad (4.581) \\ &\quad - 0.9336 \ln ER + 0.9148D \\ &\quad (-2.986) \quad (4.657) \end{aligned}$$

$$R^2 = 0.8831 \quad Se = 0.0850 \quad DW = 2.4394$$

Nota: Angka dalam kurungan ialah nilai statistik t,

- R<sup>2</sup> – koefisyen penentuan
- Se – sisisian piawai bagi regresi, dan
- DW – statistik Durbin -Watson

Keputusan regresi di atas menunjukkan pembolehubah-pembolehubah pendapatan per kapita (YPT), harga matawang relatif tempatan (CRP), kadar pertukaran (ER) dan pembolehubah patung (D) signifikan pada paras keertian satu peratus.

Keputusan yang diperolehi menunjukkan ketibaan pelawat mempunyai keanjalan pendapatan per kapita yang positif dan tinggi iaitu 2.6. Ini menyokong hipotesis bahawa pelancongan merupakan barang mewah. Kenaikan dalam tingkat pendapatan penduduk di negara-negara asing akan meningkatkan permintaan untuk melancong ke sesebuah negara. Keanjalan pendapatan per kapita itu bermakna kenaikan satu peratus pendapatan per kapita akan meningkatkan permintaan untuk pelancongan sebanyak 2.6 peratus.

Pembolehubah harga relatif (CRP) juga menunjukkan pengaruh yang signifikan ke atas jumlah ketibaan pelawat. Keanjalan harga relatif untuk ketibaan pelawat bernilai 1.58. Perkaitan langsung ini tidak dijangka sama sekali. Bagi para pelancong, keputusan untuk melancong ke sesebuah destinasi pelancongan bergantung kepada kos perjalanan ke destinasi itu; tetapi aktiviti pelancongan yang dijalankan semasa berada di tempat pelancongan bergantung pula ke atas kos perkhidmatan pelancongan di tempat pelancongan itu. Selagi pelancong-pelancong asing ke sesebuah negara destinasi pelancongan menganggap yang kos aktiviti pelancongan di negara destinasi masih rendah, pelancong asing akan terus melawat ke destinasi pelancongan itu. Walau bagaimanapun penambahan pelancong-pelancong ini akan menyebabkan kenaikan harga perkhidmatan pelancongan di negara tersebut (harga pelan-

congan juga naik disebabkan inflasi). Ini seterusnya akan meningkatkan harga relatif pelancongan seperti yang ternyata dengan perkaitan langsung antara ketibaan pelawat dengan harga relatif dalam keputusan yang diperolehi.

Pembolehubah kadar pertukaran juga menunjukkan pengaruh yang signifikan ke atas ketibaan pelawat, dan mempunyai nilai keanjalan  $-0.93$ . Pengurangan satu peratus dalam indeks kadar pertukaran akan meningkatkan ketibaan pelawat sebanyak  $0.93$  peratus. Keputusan ini memang dijangkakan kerana pelancongan antarabangsa memang sensitif kepada perubahan dalam kadar pertukaran.

Persidangan PATA '72 memberikan kesan yang signifikan ke atas jumlah ketibaan pelawat. Sumbangan persidangan PATA '72 ke atas ketibaan pelawat dapat dinilai dengan menggunakan keputusan anggaran persamaan yang diperolehi. Untuk itu, nilai pembolehubah patung (D) digantikan dengan satu (untuk mengambil kira kesan persidangan PATA '72) dan juga digantikan dengan kosong (untuk tidak mengambil kira kesan persidangan PATA '72). Didapati sumbangan persidangan PATA '72 ke atas ketibaan pelawat berjumlah sebanyak  $1.74$  juta pelawat ataupun sebanyak  $59.93$  peratus daripada jumlah ketibaan pelawat pada tahun 1972 (Jadual 2).

#### JADUAL 2

Sumbangan persidangan PATA 1972  
ke atas ketibaan pelawat ke Malaysia

Ketibaan	Pelawat
Dengan Persidangan PATA '72	2.8957 juta
Tanpa Persidangan PATA '72	1.1603 juta
Sumbangan	1.7354 juta
Sumbangan (%)	59.93 %

#### KESIMPULAN

Keputusan analisis regresi menunjukkan ketibaan pelawat-pelawat dari luar negeri ke Malaysia dipengaruhi oleh kenaikan dalam pendapatan per kapita di negara-negara pelawat. Pendapatan per kapita di negara-negara industri dan maju secara relatif tinggi dan meningkat setiap tahun. Kelebihan ini bukan saja mendorong ramai pelancong-pelancong dari negara-

negara tersebut untuk melancong bahkan mendorong pelancong-pelancong itu untuk berbelanja lebih di pusat pelancongan. Penambahan perbelanjaan pelawat-pelawat dan penambahan masa berada di Malaysia akan menokok sumbangan tukaran asing ke Malaysia. Keadaan ini seterusnya akan membantu memperkembangkan lagi industri pelancongan di Malaysia khususnya dan ekonomi Malaysia amnya.

Pembolehubah harga relatif yang berkait secara langsung dengan ketibaan pelawat bermakna walaupun harga pelancongan naik di Malaysia, tetapi jika dibandingkan dengan negara-negara asal pelancong, harga pelancongan di Malaysia masih rendah secara relatif. Ini menjadikan kos pelancongan di Malaysia masih lagi rendah dan murah bagi pelawat-pelawat antarabangsa, dan keadaan ini dapat terus mendorong pelancong-pelancong antarabangsa untuk melancong ke Malaysia.

Kadar pertukaran wang negara destinasi pelancongan yang rendah berbanding dengan nilai di negara-negara pengwujud pelancong (tourist generating countries) merupakan faktor penting bagi para pelancong memilih destinasi yang akan dilawati. Nilai ringgit Malaysia yang rendah berbanding dengan nilai wang asing, misalnya nilai yen Jepun, dolar Amerika Syari'at dan ringgit Singapura menjadikan kos pelancongan di Malaysia lebih murah kepada pelancong-pelancong dari negara tersebut. Ini seterusnya akan meningkatkan ketibaan pelancong-pelancong berkenaan ke Malaysia.

Daya tarikan pelancong ke sesebuah destinasi merangkumi berbagai-bagai komponen. Peristiwa-peristiwa penting yang berlaku sama ada berbentuk sosial, kebudayaan, keagamaan, sukan dan politik dapat dijadikan daya penarik pelancong ke Malaysia. Persidangan-persidangan antarabangsa juga dapat menjadi pendorong penting pertumbuhan industri pelancongan. Seperti yang diperolehi dalam kajian ini persidangan PATA dalam tahun 1972 mempunyai pengaruh yang besar ke atas jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia. Oleh itu, persidangan PATA bagi kali kedua yang diadakan di Malaysia pada tahun 1986 yang lepas diharapkan akan menjadi tarikan utama para pelancong antarabangsa ke Malaysia.

Selain daripada faktor-faktor penentu yang tersebut di atas, faktor-faktor lain seperti kemudahan pengangkutan antarabangsa, perbeaan iklim dan kebudayaan, kestabilan politik dan kemudahan infrastruktur juga dapat mempengaruhi ketibaan pelancong ke Malaysia. Usaha-usaha promosi yang semakin giat dijalankan oleh pihak TDC dan firma-firma swasta juga akan mempengaruhi ketibaan pelancong dan seterusnya menggalakkan perkembangan industri pelancongan di Malaysia. Penumpuan usaha promosi di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan Australia akan mendatangkan hasil yang berlipat ganda.

Usaha-usaha yang lebih giat untuk memperkenalkan lagi Malaysia sebagai sebuah pusat pelancongan bukan sahaja di Asia Tenggara, malahan di seluruh dunia pasti memberi manfaat dari segi penambahan ketibaan pelancongan. Persidangan PATA yang diadakan di Malaysia untuk kali kedua pada tahun 1986 dapat dijadikan asas untuk perkembangan pelancongan bagi peringkat kedua, khususnya dalam usaha mencari pasaran-pasaran baru selain daripada pasaran ASEAN.

Sehingga kini, masih belum banyak usaha bersama yang dibuat bagi menggalakkan industri pelancongan di rantau Asia Tenggara. Setiap negara anggota ASEAN masih menjalankan program-program industri pelancongan yang berasingan. Adalah lebih baik dan berkesan jika usahasama antara negara-negara ASEAN dalam industri pelancongan diadakan. Ini dapat menjamin perkembangan industri pelancongan di setiap negara anggota ASEAN dan seterusnya akan mengukuhkan ekonomi ASEAN secara keseluruhannya.

## RUJUKAN

ARCHER, B. 1976. Demand Forecasting in Tourism, Bongor Occasional Papers in Economics, No. 9, University of Wales Press.

- \_\_\_\_\_. 1980. Forecasting Demand: Quantitative and Intuitive Techniques. *International Journal of Tourism Management*: 5-12.
- BERITA HARIAN. 1986. Hasil Pelancongan Dijangka Meningkat. Kuala Lumpur.
- BURKART, A.J., and S. MEDLIK. 1975. The Management of Tourism. London: Heinemann.
- DANKER, M., and BURHAMUDDIN MUSA. 1981. Wooing the Tourist Dollars. *Malaysian Business*. Kuala Lumpur.
- FUJI, E.T., and J. MAK. 1980. Forecasting Tourism Demands: Some Methodological Issues. *Annals of Social Research*. pp 12-83.
- GEARING, C.E., W.W SWART, and T. VAR. 1976. *Planning for Tourism Development: Quantitative Approach*. New York: Praeger Publishers.
- HAMZAH ISA. 1985. Pelancongan Tempatan Juga Penting. *Dewan Masyarakat* 23(10) : 22-3.
- INTERNATIONAL MONETARY FUND. 1984. International Financial Statistics, Year Book, 1972-983.
- LIN, T.B. and Y.W. SUNG. 1983. The Hong Kong. In *Tourism In Asia*, ed. E.A. Pye, and T.B. Lin. International Development Research Center, Ottawa, Canada pp 1-98.
- MALAYSIA. 1984. Perangkaan Pelawat-pelawat Semenanjung Malaysia, Jabatan Perangkaan : Kuala Lumpur.
- MALAYSIA. 1986. Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990. Kuala Lumpur.
- PADILAH HJ. ALI. 1985. Pelancongan Meningkatkan Ekonomi Negara. *Dewan Masyarakat*. 23(10) : 6-8.
- PINDYCK, R.S. and D.L. RUBENFELD. 1976. *Econometric Models and Economic Forecasts*. McGraw-Hill.
- SHELDON, P and T. VAR. 1982. Tourism Forecasting: The State of the Art (pers. comm.) School of Travel Industry and Management, Univ. of Hawaii, Manoa.

(Diterima 28 November, 1989)